Ahmad, "... pesta berkena... peluang kepad... seni laman me... dan inspirasi ... antikkan laman ... mereka.

... nyakan peserta mem... an idea sangat menarik ... kreatif dan ia memberi ... mah.

"Penyertaan daripada pelajar sekolah juga boleh mencungkil bakat mereka dalam menghiaskan seni laman di samping membantu mereka meningkatkan keyakinan diri untuk bersaing dengan rakan dari sekolah lain," katanya.

berkata bilangan pengunjung dan peserta yang mengambil bahagian pada program di pesta berkenaan semakin bertambah sejak ia diperkenalkan dua tahun lalu.

"Ini bermakna, program ini sudah memberi kesan kepada masyarakat mengenai kepen-

oksigen kepada manusia di samping kesedaran mengenai kepentingan menjaga alam sekitar daripada pencemaran," katanya ketika melawat Floria 2010 bersama isterinya yang juga Pengerusi Landskap Malaysia, Tun Jeanne Abdullah, kelmarin.

kan tiada sebab untuk menghentikan penganjuran pesta floria di negara ini.

"Ada banyak sebab ia boleh diperbesarkan bagi menarik lebih ramai pengunjung khususnya pelancong luar negara datang berkunjung ke pesta untuk mengenali keunikan

pelbagai usaha dijalankan untuk mempromosikan Floria kemungkinan boleh menandingi Chelsea Flower Show yang sudah diadakan sejak 80 tahun lalu, walaupun negara kita masih baru dalam penganjuran pesta ini," katanya.

AHMAD FAIZAL BIN MOHAMAD

PERTANDINGAn Mewarna Lukisan antara yang digemari kanak-kanak pada Program Mari Berbudaya Bersama Kanak-Kanak Klang 2010.

senian," katanya.

Pengunjung, Jaslini Johari, 29, pula berpendapat program itu bukan saja menyeronokkan, malah memberi manfaat kepada kanak-kanak bagi mempelajari kesenian tradisi.

Katanya, kanak-kanak antara golongan bakal mewarisi kesenian turun temurun dan program itu sangat bertepatan dengan matlamat kerajaan bagi mengekalkan tradisi warisan seperti permainan, tarian, pakaian dan kesenian permainan tradisi seperti congkak.

Sementara itu, Pengarah Komunikasi dan Pengaduan Awam MPK, Norfiza Mahfiz, berkata program berkenaan bertujuan memberi peluang kepada kanak-kanak peringkat prasekolah untuk mempersembahkan kebudayaan masyarakat majmuk Malaysia melalui tarian etnik termasuk Sabah dan Sarawak.

"Program seumpama ini diwujudkan bagi menarik minat kanak-kanak yang berumur lima hingga enam tahun untuk membabitkan diri dalam seni kebudayaan," katanya.

Program itu adalah sebahagian acara dalam aktiviti Selangor Muzikal Extravaganza (SME 2010) yang dianjurkan Kementerian Pelancongan Negeri Selangor bermula 25 Jun lalu hingga 18 Julai ini.

Kakitangan Cofreth tanam 170 pokok

KUALA LUMPUR: Sebagai salah satu usaha menjadikan alam sekitar lebih hijau, Cofreth (M) Sdn Bhd (Cofreth) menanam 170 pokok yang disumbangkan kakitangannya dalam sambutan Green Finger Day, baru-baru ini.

Diadakan dengan kerjasama Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dan Universiti Putra Malaysia (UPM), penganjuran Green Finger Day adalah salah satu daripada tanggungjawab sosial korporat (CSR) organisasi itu dalam meningkatkan kesedaran awam mengenai kepentingan kestabilan alam sekitar.

Pada majlis sama, Cofreth turut merasmikan Kempen Kesihatan dan Keselamatan Persekitarannya (HSE) yang akan berlangsung sehingga 31 Julai ini.

Pengarah Urusan Cofreth, Ir Ong Ching Loon, berkata organisasi itu mengutamakan isu kesihatan, keselamatan, alam sekitar dan keberkesanan tenaga dalam perniagaannya dan Green Finger Day diasaskan dengan matlamat mendorong kakitangannya menuju ke arah amalan lebih 'hijau'.

Ong berkata, penjimatan tenaga mempunyai impak kuat kepada persekitaran rumah serta tempat kerja dan beliau berharap usaha Cofreth melalui Green Finger Day dapat menyuburkan budaya hijau di kalangan kakitangannya untuk diperturunkan kepada generasi muda, selepas ini.

Sementara itu, Penolong Pengarah Perkhidmatan Bandar MPSJ, Mohd Hafiz Sharif, berkata tanggungjawab menjaga alam sekitar tidak seharusnya diletakkan pada kerajaan semata-mata.

Beliau mahu tugas menjaga alam sekitar didukung ahli masyarakat secara bersama-sama dan menyifatkan Cofreth sebagai sebuah organisasi berjaya menterjemahkan peranannya dalam memastikan masa depan lebih 'hijau' buat bumi.

Seramai 80 kakitangan Cofreth menanam 170 pokok daripada spesies Kelat, Meranti dan Merawan dalam acara yang berlangsung di Hutan Simpan Ayer Hitam, Lestari Puchong itu.

Persekitaran berlumpur dan air yang mencecah paras pinggang tidak langsung menjadi faktor menghalang peserta sambutan itu daripada menghabiskan lebih sejam membersihkan sebatang sungai yang terletak jauh di dalam hutan.

Cofreth berharap Green Finger Day akan menjadi tonggak utama organisasi itu dalam pengurusan sistem alam sekitar apatah lagi selepas menerima pensijilan ISO 14001:2004, baru-baru ini.

FAKTA NOMBOR

80

kakitangan

Cofreth menanam 170 pokok

Media : BERITA HARIAN
Type : NEWSPAPER PUBLICATION
Section : SENTRAL
Page : 5
Date : 14 JULY 2010